

Ahli Politik UMNO Lantang Dan Berani Bersuara Menegur Pihak Pembangkang: MENGAPA “TAKUT BERSUARA” DALAM UMNO?

“BERANI kerana benar dan takut kerana salah”. Itulah ungkapan paling sesuai yang patut diberikan kepada ahli-ahli UMNO yang telah membuat kenyataan keras terhadap Ahli Parlimen Seputeh dari Parti DAP iaitu Teresa Kok berhubung dengan isu wanita yang diarahkan ketuk-ketampi dalam keadaan berbogel. Sepatutnya inilah caranya ahli-ahli UMNO patut bertindak setelah sikap lemah lembut dan bersabar orang-orang UMNO selama ini tidak lagi dihormati oleh bangsa lain.

Sesungguhnya, inkuiri awam yang telah dijalankan jelas mendedahkan identiti sebenar wanita tahanan polis iaitu seorang berbangsa Melayu dan rakyat Malaysia dan bukannya rakyat Cina seperti yang digembar-gemburkan oleh akhbar berbahasa Cina yang seolah-olah mempunyai agenda yang tersembunyi.

Akhirnya dua kakitangan akhbar tersebut telah meletakkan jawatan kerana mereka dikatakan bertanggungjawab ke atas laporan yang telah di buat itu. Kalau tidak kerana kepantasan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdulah Ahmad Badawi membuat keputusan untuk menubuhkan badan siasatan bebas saya fikir ianya akan membangkitkan dakwaan betapa zalimnya pihak polis selain telah menyebabkan polis “dihukum” terlalu awal.

Siapa patut mohon maaf?

Akibat daripada tindakan Teresa yang dilihat sengaja membesar-besarkan isu tahanan itu sehingga dibawa ke Parlimen, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid dan Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Zahid Hamidi terpaksa pergi ke Beijing bagi menjelaskan isu tersebut kepada kerajaan China seraya memohon maaf.

Sepatutnya perkara itu tidak perlu berlaku sekiranya Teresa tidak mengheboh-hebohkan kes tersebut dan tidak mengheret ke hulu ke hilir empat warga China yang didakwa sebagai salah seorang darinya menjadi mangsa pihak polis. Jadi apakah agenda Teresa sebenarnya terhadap orang Melayu?

Ketika terjawab identiti wanita misteri yang berada di dalam tahanan itu, Teresa Kok telah cepat-cepat menafikan yang beliau pernah menyebut bahawa wanita yang dipaksa berbogel dan diarah ketuk-ketampi itu adalah warga China. Sebaliknya, Teresa telah menuduh pihak media yang bertanggungjawab menyatakan bahawa wanita terbabit adalah berbangsa Cina. Begitulah kebijaksanaan Teresa cuba menepis segala tuduhan yang dilemparkan kepada beliau.

Sehubungan dengan itu, saya berpendapat bahawa desakan supaya Teresa dikenakan tindakan keras kerana bertindak keterlaluan dan mengelirukan berhubung isu wanita itu seperti yang ditegaskan oleh Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Syed Ali Alhabshee, Ahli Parlimen Kemaman, YB Ahmad Shabbery Chik, Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Ahli Parlimen Bera, Datuk Ismail Sabri Yaacob adalah wajar dan tepat pada masanya.

Akibat daripada desakan ahli-ahli UMNO yang juga merupakan Ahli Dewan Senat, Teresa telah melahirkan kekecewaannya dan menganggap ahli-ahli politik UMNO cuba menyeleweng daripada kebenaran dengan meletakkan kesalahan ke atas dirinya dan cuba memperkecilkan isu hak asasi manusia. Selain itu, Teresa juga menuduh ahli-ahli politik UMNO yang telah membuat kenyataan keras terhadap dirinya sebagai sengaja memainkan isu perkauman.



Tun Dr. Mahathir



Datuk Seri Rafidah Aziz



Teresa Kok

Ahli politik UMNO perlu teruskan kelantangan bersuara

Sebenarnya, saya melihat kenyataan yang dikeluarkan oleh ahli-ahli UMNO tidak melibatkan isu perkauman dan tidak pula cuba memperkecilkan isu hak asasi manusia seperti yang didakwa oleh Teresa. Sebaliknya apa yang Teresa lakukan ialah cuba mempengaruhi masyarakat terutama bukan Melayu supaya bersimpati dengannya dan cuba mendorong orang ramai percaya bahawa wanita bogel yang membuat ketuk-ketampi itu adalah warga China.

Persoalannya di sini, apakah tindakan yang serupa akan diambil oleh Teresa sekiranya isu ini membabitkan bangsa lain? Insiden seumpama ini sememangnya telah memalukan negara gara-gara tindakan seorang ahli politik yang menghebohkan perkara ini.

Sepatutnya pihak pembangkang membiarkan polis menjalankan siasatan terlebih dahulu dan tunggu sehingga badan siasatan bebas itu selesai menjalankan inkuiri awam. Kini imej polis Malaysia telah tercalar sedangkan pasukan polis sebenarnya telah bekerja dengan baik dan cemerlang. Oleh itu, cadangan yang dibawa oleh Anggota Dewan Negara, Senator Datuk Azidah Samad yang mengesyorkan Teresa memohon maaf secara terbuka di Dewan adalah tepat sekali. Ini harus dilakukan supaya di masa hadapan bangsa-bangsa lain tidak akan sewenang-wenangnya mengambil kesempatan di atas sikap lemah-lembut dan sikap bertolak ansur orang-orang Melayu.

Bangsa lain jangan cepat melatah

Kepada bangsa bukan Melayu, perlu ditegaskan di sini sepatutnya menjadi satu tela dan yang baik agar mereka tidak cepat melatah dan hanya memikirkan hak kepentingan mereka sahaja. Mereka juga harus sedar bahawa orang Melayu juga mempunyai perasaan dan sensitiviti yang perlu di jaga. Orang Melayu juga mempunyai had kesabarannya. Tak kan dalam semua perkara orang Melayu harus mengalah dan bertolak ansur.

Oleh itu, bangsa bukan Melayu perlu sedar bahawa hidup di dunia ini bukan soal menang debat atau bahas, tetapi bagaimana untuk hidup bersama dan membina negara tercinta ini. Semua bangsa perlu sedar bahawa kelemahan sesuatu kaum tidak menguntungkan kaum yang lain sebaliknya kemakmuran setiap kaum di negara ini akan turut memberi sumbangan kepada kemakmuran semua orang yang tinggal di bumbung yang sama ini.

Kemakmuran inilah yang akhirnya menjadi matlamat agenda Melayu yang kita perjuangkan selaras dengan tuntutan agama yang kita cintai. Oleh itu, kepada pemimpin-pemimpin UMNO, semoga Allah SWT memberikan kekuatan dan keberkatannya di atas usaha dan niat suci pemimpin-pemimpin UMNO dalam mempertahankan hak dan ketuanan bangsa Melayu.

Ahli UMNO perlu kritik dan tegur pemimpin UMNO sekiranya ingin UMNO kuat dan kukuh

Kelantangan ahli-ahli Politik UMNO menegur dan mengkritik pihak pembangkang memang harus dipuji dan sememangnya mereka telah menjalankan tanggungjawab mereka.

Tetapi bagaimana pula peranan ahli-ahli UMNO sekiranya pemimpin UMNO itu sendiri yang melakukan sesuatu yang tidak betul?

Adakah ahli-ahli UMNO berani “tampil ke depan” sungguhpun mereka

Adakah ahli-ahli UMNO berani “tampil ke depan” sungguhpun mereka tahu perkara yang tidak betul sedang berlaku,

tahu perkara yang tidak betul sedang berlaku.

Inilah soalan yang sering kita dengar di peringkat akar umbi parti. Isu ini terus menjadi persoalan apabila Tun Dr. Mahathir juga telah membandingkan situasi itu dengan keadaan semasa beliau menjadi Anggota Parli men pada tahun 1960an apabila beliau menghadapi risiko menjadi pengkritik Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri ketika itu kerana dasar Tunku yang dilihat tidak membantu orang Melayu.

Tun Dr. Mahathir turut menyentuh kecenderungan untuk tidak mengkritik sungguhpun membabitkan perkara yang tidak betul mungkin disebabkan kejayaan BN memenangi lebih 90 peratus kerusi pada pilihanraya umum lepas. Selain itu, Tun Dr. Mahathir juga terkil dan berasa sedih kerana Wanita UMNO tidak menyokongnya semasa beliau mendedahkan isu penyalahgunaan kuasa berhubung dengan isu permit import (AP) oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa yang diterajui oleh Datuk Seri Rafidah Aziz.

Banyak pendapat dan buah fikiran telah dilontarkan apabila Tun Dr. Mahathir melahirkan kekecewaan beliau berhubung dengan perkara ini. Pelbagai pihak telah menyifatkan tindakan Tun Dr. Mahathir mengkritik ahli UMNO dan Ahli Parlimen BN yang didakwa “tidak berani bersuara” sebagai pandangan peribadi yang berat sebelah dan tidak adil.

Sungguhpun ada yang bersetuju dan ada yang kurang bersetuju dengan kenyataan Tun Dr. Mahathir itu, apa yang lebih penting ialah ahli-ahli UMNO perlu mengamalkan sikap positif terhadap kenyataan tersebut kerana sebagai seorang yang berpengalaman dalam memimpin negara dan UMNO tentunya Tun Dr. Mahathir ada sebab kena pada beliau membuat kenyataan sebegitu rupa.

Apa yang pasti Tun Dr. Mahathir sayangkan UMNO dan beliau ingin terus melihat UMNO terus relevan dan terus kuat menghadapi segala cabaran yang mendatang. Sebagai golongan muda saya fikir kenyataan Tun Dr. Mahathir itu adalah sebagai peringatan dan nasihat kepada generasi muda seperti saya.

Saya juga berpendapat bahawa budaya kritik mengkritik dan tegur menegur perlu ada pada UMNO sekarang ini supaya pemimpin-pemimpin muda UMNO yang ada sekarang serta bercita-cita besar tidak buat sesuka hati mereka untuk memastikan cita-cita mereka tercapai.

Golongan muda di dalam UMNO perlu sedar bahawa UMNO bukan milik seseorang tetapi milik majoriti orang Melayu negara ini. Sesungguhnya pemimpin-pemimpin muda perlu sedar bahawa kelulusan akademik yang tinggi dan cemerlang yang ada pada kita bukan ukuran dan tiket untuk kita naik ke hierarki paling atas didalam UMNO dengan pantas untuk kepentingan diri sendiri.

Apa yang penting ialah semangat berjuang untuk memastikan hak-hak orang Melayu terbela dan hak ketuanan Melayu tidak dipertikaikan dan diusik oleh bangsa lain.

Apa yang dirisaukan di masa hadapan nanti ialah UMNO akan menjadi goyah dan lemah sekiranya UMNO diterajui pemimpin-pemimpin muda yang bernafsu besar untuk memegang jawatan dan pada yang sama dibela oleh pemimpin-pemimpin muda ini adalah “taukeh-taukeh besar” yang mahu memastikan kepentingan mereka terjaga.

Kepada ahli-ahli UMNO aggalah kritikan yang kita buat itu sebagai usaha untuk menyelamatkan UMNO dan bukan untuk menghancurkan UMNO.